

10 AUG 1998

PRESIDEN DJIBOUTI PULANG

KUALA LUMPUR, 10 ogos (Bernama) -- Presiden Hassan Gouled Aptidon dari Djibouti berlepas pulang ke negaranya pagi ini selepas melakukan lawatan rasmi selama sembilan hari ke Malaysia yang meningkatkan lagi hubungan dua hala.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat, yang bertindak sebagai menteri pengiring, dan Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Micheal Toyad berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau.

Pada Khamis lepas Presiden Hassan membuat kunjungan selamat tinggal terhadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara.

Beliau juga telah mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diikuti dengan pemeteraan dua perjanjian -- Penggalakkan dan Perlindungan Pelaburan dan Kerjasama Ekonomi, Saintifik, Teknikal dan Kebudayaan.

Djibouti menawarkan untuk menjadi pintu masuk kepada produk Malaysia ke pasaran Afrika yang besar dengan jumlah penduduk kira-kira 130 juta orang.

Lawatan Presiden itu -- yang pertama ke Malaysia -- adalah di atas jemputan Yang di-Pertuan Agong.

Djibouti, bekas jajahan Perancis, terletak di kawasan timur benua Afrika. Jiran-jirannya ialah Somalia di selatan, ethiopia di sebelah barat dan Eritrea di utara.

-- BERNAMA

NHD WAT